Ramai pertikai keputusan Musa



DATUK Musa (kiri) bergelak ketawa dengan Datuk Seri Dr Mahathir ketika mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada 28 Mac 1987.

—Oleh—
KAMALUDIN RAZAK*

DATUK Musa Hitam tidak boleh terkilan apabila ada pihak meragui keikhlasannya menyertai semula Umno hanya selepas Barisan Nasional (BN) berjaya menumpaskan calon Semangat '46 dalam pilihanraya kecil Parlimen Ampang Jaya bulan lalu.

Bagi mereka, beliau boleh berbuat demikian sebelumnya, bahkan tidak turut mengiringi calon kumpulan itu yang tewas, Datuk Haji Harun Idris, pada hari penamaan calon. Beliau juga pernah dilihat bersama kumpulan itu berkempen di Kampung Pandan.

Langkah Datuk Musa tentu lebih bermakna jika selepas calon pilihan golongannya, Hamdan Yahya, tewas kepada BN dalam pilihanraya kecil Parit Raja dan menerima tawaran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika itu supaya menyertai kabinet.

Ahli Parlimen Kota Tinggi itu juga tidak boleh marah jika ada kalangan mempersoalkan kejituan keputusannya sekarang ketika Datuk Seri Dr Mahathir sedang uzur, tanpa menunggu Perdana Menteri pulih untuk kembali bertugas semula memimpin negara.

Sebab, meskipun Datuk Musa tergata tindakannya bukan kerana hendak mencari kedudukan (kerana beliau pernah memilikinya, dan kemudian meninggalkannya secara mengejut hampir tiga tahun lalu), namun sangkaan spontan ke arah kemungkinan itu, bukan mustahil.

Namun, suatu perkara cukup jelas. Kembalinya semula Datuk Musa kepada Umno diharap sedikit sebanyak dapat membantu usaha meredakan kemelut politik Melayu. Ini penting bagi meringankan beban kekacauan yang menjejas perpaduan, keunggulan dan ketuanan bangsa.

Datuk Musa memberikan beberapa sebab mengenai keputusannya itu. Antaranya, apa yang beliau anggap selama ini sebagai sikap keras kepemimpinan Umno sekarang yang kini berlembut bagi menyelesaikan perpecahan orang Melayu.

Sejauh mana beliau dapat menyumbangkan ke arah itu sesungguhnya masih terlalu awal untuk diramal sekarang. Tetapi, Datuk Musa tidaklah boleh menegah atau tersinggung apabila andaian diasaskan kepada sejarah politiknya terutama sejak kebelakangan ini.

Perlu diingat, beberapa hari sebelum menyertai semula Umno Datuk Musa pernah ditanya oleh akhbar mengenai pendirian politiknya yang disifatkan bengkang-bengkuk, semacam tidak berpendirian apabila timbul khabar beliau akan membuat pengumuman penting di Segamat, 1 Februari lalu.

Walaupun belum jelas ketika itu apakah inti pengumumannya, namun pemerhati dan orang Melayu menduga bahawa ia berhubungkait dengan penyertaannya semula dalam parti yang ditinggalkannya. Malah, ini dibayangkan oleh Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yasin.

Dalam jawapannya, Datuk Musa dilaporkan mengaku bahawa politiknya memang bengkang-bengkuk. Tetapi, tegasnya, beliau berbuat begitu kerana hendak 'menangkap' ahli politik yang beliau sifatkan sesat. Lagipun, "orang sesat tidak pernah berjalan lurus".

Benarlah. Datuk Musa kemudian mengumumkan penyertaannya semula dalam Umno. Cuma pengumuman dibuat di Kuala Lumpur, bukan di Segamat, pada 30 Januari, bukan 1 Februari. Beberapa akhbar yang melaporkan berita itu menyebut beliau sebagai 'balik ke pangkal jalan'.

Reaksi berhubung keputusan beliau itu spontan, pelbagai dan agak menyeluruh —positif dan negatif. Terpulang kepada seseorang menilainya dari sudut yang mereka fikir wajar, berdasarkan kepada pengamatan masing-masing.

Umpamanya, kenyataan Datuk Harun, walaupun pendek, bahawa beliau 'tidak terkejut' dengan keputusan Datuk Musa itu boleh mengajak kita mengamati apa yang tersirat di hati bekas Menteri Besar Selangor itu.

Menerusi kenyataannya itu, Datuk Harun seakan-akan memberitahu kita apa yang beliau fahami dan kenal pasti mengenai kemungkinan arah, corak, gaya dan *isme* sebenar politik Datuk Musa. Ini barangkali saja.

Bukan mustahil ketika Datuk Musa bersama penyokong kumpulan yang dipanggil Semangat '46 pada hari penamaan calon pilihanraya kecil Ampang Jaya pun, Datuk Harun sedar apa yang akan berlaku seterusnya apabila beliau kalah 28 Januari lalu.

Demikian juga halnya apabila Ahli Parlimen Pasir Mas, Ibrahim Ali, menggariskan beberapa alasan menyokong dakwaannya bahawa Datuk Musa sebagai penyebab sebenar segala masalah dalam politik orang Melayu yang berlarutan hingga sekarang.

Antaranya, ialah perletakan jawatan Datuk Musa selaku Timbalan Perdana Menteri dibuat secara tergesa-gesa, (kemudian bersekutu dengan 'musuh ketatnya' Tengku Razaleigh Hamzah) menentang Datuk Seri Dr Mahathir dan Encik Ghafar Baba dalam pemilihan pemimpin Umno, April, 1987.

Sesungguhnya, masyarakat Melayu sendiri mampu berfikir dan menilai sendiri sama ada dakwaan itu benar atau tidak. Sama ada alasan itu kukuh atau sebaliknya. Tetapi, kecenderungan mempercayai semua itu tetap wujud, dan Datuk Musa wajar menerima hakikatnya.

Dan, Datuk Musa tidaklah boleh tersinggung, apa lagi marah, apabila hal itu akan terus ditimbulkan terutama oleh golongan serpihan Umno, yang sedikit sebanyak kini menerima padah daripada kemungkinan kehendak arah, corak, gaya dan *isme* politik sebenar beliau.

Namun, golongan serpihan dalam kumpulan apa yang dipanggil Semangat '46 diketuai oleh Tengku Razaleigh, sebenarnya tidak boleh marahkan Datuk Musa. Ini kerana mereka sendiri sudah lama semacam menyingkirkan beliau.

Hakikat ini cukup jelas. Atas sebab yang tidak tembus kepada masyarakat di luar tembok mereka, kumpulan itu cuma mengizinkan Datuk Musa menjadi pemimpin nombor dua mereka sekejap benar, sebelum menampilkan Datuk Rais Yatim sebagai penggantinya.

Bukan mustahil Datuk Musa tersinggung dengan perkembangan itu. Ini boleh dilihat sebelum pilihanraya kecil Parit Raja, apabila beliau mengutus kawat tahniah kepada kumpulan itu atas 'perlantikan Datuk Rais sebagai timbalan kepada Tengku Razaleigh'.

Kawat Datuk Musa itu sebenarnya adalah reaksi spontan kepada pengumuman yang dibuat sebelum itu oleh Datuk Rais berhubung kedudukan semua Ahli Parlimen kumpulan berkenaan sebagai ahli bebas di Dewan Rakyat.

Dalam pengumuman itu, Datuk Rais tidak sepatah pun menyebut kedudukan Datuk Musa. Hanya setelah ditanya saja beliau menegaskan Datuk Musa sendiri akan mengumumkan kedudukannya nanti. Lagipun ketika itu Datuk Musa sendiri dikatakan ada di luar negara.

Pilihanraya kecil Parit Raja, sesungguhnya adalah usaha Datuk Musa untuk menunjukkan kekuatan pengaruhnya, sekurang-kurangnya di Johor. Beliau perlu berbuat begitu, bukan saja terhadap Umno dan BN, bahkan terhadap kumpulan Semangat '46.

Bersekongkol

Sebab itulah, tanpa merujuk lagi kepada kumpulan berkenaan, terutama kepada Tan Sri Othman Saat selaku ketua kumpulan itu di Johor, golongan serpihan bawah pengaruh Datuk Musa segera mengumumkan 'orangnya sendiri' sebagai calon bebas dalam pilihanraya kecil itu.

Perjuangan utama golongan serpihan bawah pengaruh Datuk Musa, bagaimanapun, tetap sama dengan aliran Semangat '46 iaitu untuk menghidupkan semula Umno lama di samping melanjutkan tentangan peribadi terhadap kepemimpinan sekarang.

Walaupun kumpulan Semangat '46 tidak merestui Hamdan sebagai calon untuk menentang BN yang mempertahankan kerusinya di situ, namun golongan Datuk Musa dan kumpulan berkenaan menyembunyikan perselingkahan mereka supaya tidak dieksploitasi oleh pihak yang mereka tentang.

Dan, kekalahan Hamdan tidak ayak lagi semacam mewajarkan kemudian semua sebab mengapa kumpulan yang dipanggil Semangat '46 patut menyisihkan Datuk Musa dalam barisan kepemimpinan mereka. Lagipun kekalahan itu di Johor yang sepatutnya kubu pengaruh Datuk Musa.

Yang demikian, anggapan sebelumnya bahawa Hamdan akan menang kerana keahlian Umno di Johor ketika itu baru berjumlah 41 peratus atau 112,665 orang berbanding 271,450 dalam Umno lama yang membawa pengertian pengaruh Datuk Musa di negeri itu kuat, ternyata meleset.

Kini orang berharap selepas penyertaan semula Datuk Musa dalam Umno, ramai lagi bekas ahli Umno, terutama di Johor, akan berbuat demikian. Tetapi, tumpuan kini ke arah mereka yang dianggap sebagai leftenan-leftenan beliau ketika berkuasa dulu.

Antaranya ialah Puan Marina Yusof, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, Datuk Zainal Abidin Zin, Puan Rahmah Osman, Encik Fahmi Ibrahim dan beberapa orang lagi. Apakah mereka juga akan mengikut langkahnya, atau terus bersekongkol dengan kumpulan Semangat '46?

Sesetengah ahli Umno berkata, penyertaan semula Datuk Musa dalam parti dianggap baik kerana ia menyesakkan bahawa Umno yang ada adalah pewaris Umno lama. Ia juga menghidupkan tradisi Umno untuk memaafkan sesama sendiri.

Namun, permaafan bukanlah bererti menyerah dan sekaligus memberi apa yang bukan hak. Ini bukan tradisi Umno, kecuali ada yang berhasrat melanggar keluhuranmya. Kata mereka, perlanggaran tradisi akan membawa padah.

Kerana perbuatan melanggar tradisilah maka Umno lama sampai boleh diharamkan, kata mereka. Ini termasuk tidak menghormati pemimpin yang di atas yang sepatutnya diberi sokongan, bukannya ditentang, sama ada secara terbuka atau senyap-senyap.

Tradisi Umno juga menyarankan supaya penghormatan yang wajar kepada barisan pemimpin parti yang tertinggi tingkat selepas Presiden iaitu Timbalan Presiden, Naib-naib Presiden dan Ahli Majlis Tertinggi.

Amalan tradisi keramat ini jelas dilihat apabila Presiden Umno yang juga Perdana Menteri bendak melantik timbalannya dalam kerajaan. Beliau akan berbuat demikian berdasarkan kedudukan tokoh itu dalam kepemimpinan parti

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia